

<p><b>HELAIAN KETERANGAN PRODUK</b></p> <p>(Sila baca Helaiian Keterangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan memilih “IKHLAS Niaga Takaful (Clinic Niaga)”. Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat di dalam Sijil Takaful ini.)</p>	<p><b>TAKAFUL IKHLAS GENERAL BERHAD</b></p> <p>(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)</p> <p><b>IKHLAS NIAGA TAKAFUL (CLINIC NIAGA)</b></p> <p>Tarikh: 01/12/2018</p>						
<p><b>1) Produk apakah ini?</b></p> <p>IKHLAS Clinic NIAGA memberikan perlindungan yang komprehensif kepada pegawai perubatan, doktor atau pengamal perubatan yang mengusahakan klinik, klinik pergigian atau pusat pembedahan, dan yang seumpamanya.</p>							
<p><b>2) Apakah konsep Syariah yang diguna pakai?</b></p> <p><b>Tabarru'</b> - bermaksud derma bagi tujuan perpaduan dan kerjasama di kalangan Peserta-peserta Takaful dan akan digunakan untuk membantu Peserta Takaful yang ditimpa musibah. Di dalam konteks pihak Syarikat, Tabarru' akan diperuntukan ke dalam Dana Risiko.</p> <p><b>Wakalah</b> – merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (<i>muwakkil</i>) membenarkan pihak lain sebagai ejen (<i>wakil</i>) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan bayaran. Di dalam konteks pihak Syarikat, kami dilantik sebagai ejen (<i>wakil</i>) untuk melaksanakan Perniagaan Takaful, dan fi Wakalah (<i>Ujrah</i>) akan dibayar kepada pihak Syarikat.</p> <p><b>Nota:</b> Sila rujuk kepada Sijil Takaful untuk maklumat lanjut.</p>							
<p><b>3) Apakah perlindungan-perlindungan / manfaat-manfaat yang ditawarkan?</b></p> <table border="1" data-bbox="240 1260 1477 1810"> <thead> <tr> <th data-bbox="240 1260 373 1354">Seksyen</th> <th data-bbox="373 1260 954 1354">Perlindungan</th> <th data-bbox="954 1260 1477 1354">Amaun Perlindungan/ Had Liabiliti (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="240 1354 373 1810">A</td> <td data-bbox="373 1354 954 1810"> <p><b>Kebakaran dan Peril-peril yang Berkaitan</b> Perlindungan: kebakaran, kilat, kerosakan akibat pesawat udara, gempa bumi dan ledakan gunung berapi, ribut taufan, banjir, letupan, kerosakan disebabkan hentaman, pecahan atau limpahan dari tangki air atau paip, kerosakan disebabkan oleh rusuhan, mogok dan perbuatan khianat, dan pemasangan elektrik Fasal B.</p> </td> <td data-bbox="954 1354 1477 1810"> <p>Untuk ditentukan oleh Peserta Takaful (Amaun Perlindungan untuk Seksyen ini hendaklah tidak melebihi RM5,000,000. Jika melebihi jumlah ini, hendaklah dirujuk kepada pihak Syarikat).</p> </td> </tr> </tbody> </table>		Seksyen	Perlindungan	Amaun Perlindungan/ Had Liabiliti (RM)	A	<p><b>Kebakaran dan Peril-peril yang Berkaitan</b> Perlindungan: kebakaran, kilat, kerosakan akibat pesawat udara, gempa bumi dan ledakan gunung berapi, ribut taufan, banjir, letupan, kerosakan disebabkan hentaman, pecahan atau limpahan dari tangki air atau paip, kerosakan disebabkan oleh rusuhan, mogok dan perbuatan khianat, dan pemasangan elektrik Fasal B.</p>	<p>Untuk ditentukan oleh Peserta Takaful (Amaun Perlindungan untuk Seksyen ini hendaklah tidak melebihi RM5,000,000. Jika melebihi jumlah ini, hendaklah dirujuk kepada pihak Syarikat).</p>
Seksyen	Perlindungan	Amaun Perlindungan/ Had Liabiliti (RM)					
A	<p><b>Kebakaran dan Peril-peril yang Berkaitan</b> Perlindungan: kebakaran, kilat, kerosakan akibat pesawat udara, gempa bumi dan ledakan gunung berapi, ribut taufan, banjir, letupan, kerosakan disebabkan hentaman, pecahan atau limpahan dari tangki air atau paip, kerosakan disebabkan oleh rusuhan, mogok dan perbuatan khianat, dan pemasangan elektrik Fasal B.</p>	<p>Untuk ditentukan oleh Peserta Takaful (Amaun Perlindungan untuk Seksyen ini hendaklah tidak melebihi RM5,000,000. Jika melebihi jumlah ini, hendaklah dirujuk kepada pihak Syarikat).</p>					

		<b>Pelan A (RM)</b>	<b>Pelan B (RM)</b>	<b>Pelan C (RM)</b>
<b>B</b>	<p><b>Kecurian</b> Kehilangan atau kerosakan kepada harta benda yang dilindungi di bawah Seksyen A yang secara langsung diakibatkan oleh Kecurian. Perlindungan minima untuk Seksyen B, semua pintu masuk/ keluar termasuk tingkap mesti dilindungi.</p>	50,000	75,000	100,000
<b>C</b>	<p><b>Wang</b> Kehilangan wang atau kerosakan yang disebabkan oleh pencuri-pencuri terhadap sebarang peti besi atau keselamatan milik Peserta Takaful di premis yang dilindungi.</p> <p>i) Wang di Kediaman Peserta Takaful:            (a) Semasa waktu perniagaan – simpan di dalam peti besi/ keselamatan/ dalam laci/ kotak tunai            (b) Selepas waktu perniagaan – simpan di dalam peti besi/keselamatan</p> <p>ii) Wang tunai di dalam perjalanan dari Kediaman Peserta Takaful hingga bank dan sebaliknya</p>	3,000  1,000  3,000	10,000  3,000  10,000	15,000  5,000  15,000
<b>D</b>	<p><b>Liabiliti Awam</b> Ganti rugi liabiliti undang-undang ke atas pihak ketiga untuk kos-kos dan perbelanjaan yang berkenaan dengan kecederaan tubuh badan/ kematian dan/atau kerosakan harta benda, yang dialami berkaitan dengan perniagaan oleh Peserta Takaful.</p>	150,000 Mana-mana satu kemalangan  500,000 Dalam suatu jangka masa	200,000 Mana-mana satu kemalangan  1,000,000 Dalam suatu jangka masa	300,000 Mana-mana satu kemalangan  1,000,000 Dalam suatu jangka masa
<b>E</b>	<p><b>Peril Menyeluruh (Barang Bukan Mudah Alih)</b> Kerugian atau kerosakan terhadap mesin dan peralatan yang dilindungi yang diakibatkan oleh kebakaran, kecurian dan sebab-sebab kemalangan yang lain, tidak termasuk yang dikecualikan di dalam Sijil Takaful.</p> <p><i>*Diguna pakai terhadap mesin dan/atau peralatan</i></p>	25,000	50,000	100,000

<b>G</b>	<b>Kemalangan Diri Berkumpulan</b> Untuk kematian dan hilang keupayaan kekal. (Terhad kepada 6 orang yang dinamakan. Sekiranya lebih daripada 6 orang yang dilindungi, tambahan Sumbangan Takaful akan dikenakan.	Doktor: 250,000	Doktor: 300,000	Doktor: 500,000
		Jururawat: 30,000	Jururawat: 50,000	Jururawat: 75,000
		Pemandu/ Tukang Cuci: 10,000	Pemandu/ Tukang Cuci: 20,000	Pemandu/ Tukang Cuci: 30,000

**Nota:** Sila rujuk kepada Sijil Takaful untuk keterangan lanjut mengenai syarat-syarat dan terma-terma spesifik yang berkaitan dengan manfaat yang dinyatakan diatas.

Tempoh perlindungan ialah selama satu (1) tahun. Dengan itu, anda dikehendaki membaharui Sijil Takaful anda setiap tahun.

**4) Berapakah jumlah Sumbangan Takaful yang perlu dibayar?**

Jumlah Sumbangan Takaful yang anda perlu bayar adalah berdasarkan kepada Amaun Perlindungan yang dipilih, klasifikasi pekerjaan/perniagaan, klasifikasi bangunan, dan keperluan pengunderaitan pihak Syarikat.

**5) Apakah yuran-yuran dan caj-caj yang perlu dibayar?**

Berikut adalah yuran dan bayaran yang dikenakan:

Bayaran yang perlu dijelaskan di samping jumlah Sumbangan Takaful:-

- Cukai yang digunapakai tertakluk pada kadar semasa yang dikenakan.
- Duti Setem : RM10.00

Bayaran lain yang termasuk dalam jumlah Sumbangan Takaful:-

- Yuran Wakalah -
  - ✓ Komisen : sehingga maksima 15% dari Sumbangan Takaful
  - ✓ Perbelanjaan Pengurusan : 15% dari Sumbangan Takaful

Bayaran yang perlu dijelaskan jika anda membatalkan Sijil Takaful ini :-

- Yuran Pembatalan : RM10.00

**6) Apakah terma-terma dan syarat-syarat utama yang perlu diketahui?**

**Kepentingan Pendedahan**

- Anda mestilah mendedahkan semua fakta material yang anda tahu atau patut tahu; jika tidak, Sijil Takaful ini boleh dianggap tidak sah.
- Sekiranya terdapat sebarang perubahan dalam apa-apa perubahan yang berkaitan anda hendaklah memaklumkan kepada kami dengan segera.
- Anda hendaklah mengambil segala langkah pencegahan yang biasa dan munasabah untuk menjaga keselamatan harta yang dilindungi.

### Waranti Sumbangan Takaful

- Adalah asas dan syarat khas mutlak Sijil Takaful ini bahawa Sumbangan Takaful tertunggak mestilah dibayar dan diterima oleh pihak Syarikat dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh permulaan Sijil Takaful ini/ Endorsmen/ pembaharuan Sijil Takaful.
- Jika syarat ini tidak dipatuhi maka Sijil Takaful ini dibatalkan secara automatik dan pihak Syarikat berhak untuk Sumbangan Takaful prorata dalam tempoh mereka menanggung risiko.

### Jumlah untuk Dilindungi

- Anda harus memastikan harta anda dilindungi pada jumlah yang berpatutan.
- Anda boleh melindungi harta anda berasaskan dasar nilai pasaran atau nilai pengembalian semula:
  - a) **Dasar nilai pasaran** – pihak kami akan membayar kos pembaikan ke atas harta yang rugi atau rosak setelah ditolak jumlah Susut Nilai atau Haus dan Lusuhan.
  - b) **Dasar nilai pengembalian semula** – pihak kami akan membayar kos penuh untuk pembaikan harta yang rosak tanpa menolak Susut Nilai atau Haus dan Lusuhan, dengan syarat Amaun Perlindungan adalah mencukupi untuk menampung jumlah kos pengembalian semula harta tersebut.
- Sekiranya jumlah yang dilindungi ke atas harta anda adalah kurang daripada nilai sebenar pada waktu kerugian berlaku, anda dianggap bertanggungjawab terhadap perbezaannya dan hendaklah menanggung perkadaran setimpal bagi kerugian tersebut sewajarnya.
- Ekses, adalah sebagai amaun yang harus anda tanggung sendiri sebelum kami membayar balik kepada anda.

### Prosedur Tuntutan

- Sekiranya berlaku sebarang kejadian yang boleh menyebabkan berlakunya tuntutan di bawah Sijil Takaful ini anda hendaklah mengemukakan notis bertulis kepada pihak Syarikat yang menyatakan semua butir-butir yang ketika itu diketahui oleh anda dengan serta-merta, memaklumkan pihak polis dengan segera, mengambil segala langkah secara praktik untuk mengesan mana-mana orang yang bersalah dan mendapatkan semula harta benda yang hilang, mengemukakan semua bukti-bukti, maklumat dan keterangan lain seperti yang diminta oleh pihak Syarikat dan bebas daripada perbelanjaan pihak Syarikat, yang berkenaan dengan tuntutan dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas kejadian dan dalam tempoh yang dilanjutkan seperti yang dipersetujui oleh pihak Syarikat, apa-apa yang mungkin diperlukan oleh pihak Syarikat.

### Lebihan

- Pihak Syarikat akan mengenakan Caj Pengurusan Lebihan (SAC) sebanyak 50% daripada lebihan boleh-agih kasar dari Dana Risiko pada setiap akhir tahun. Walau bagaimanapun, pihak Syarikat boleh mengenakan caj SAC kurang daripada 50% daripada lebihan boleh-agih kasar mengikut budi bicara dan kesesuaian. Sebarang lebihan boleh-agih bersih (selepas ditolak SAC) daripada Dana Risiko akan diperuntukkan seluruhnya (100%) kepada Peserta Takaful. Sekiranya jumlah untuk Peserta Takaful kurang daripada had yang diperuntukkan, maka jumlah berkenaan akan terus disimpan di dalam Dana Risiko atau didermakan kepada badan amal bagi pihak Peserta Takaful. Kedua-dua had yang diperuntukkan dan pengurusan jumlah berkenaan adalah seperti yang dinyatakan di dalam Polisi Pengagihan Lebihan.

### 7) Apakah pengecualian-pengecualian utama yang terdapat di dalam Sijil Takaful ini?

Sijil Takaful tidak merancang untuk dan tidak melindungi:

#### Kebakaran dan Peril-peril yang Berkaitan

- (a) Kerugian oleh sebab kecurian semasa atau selepas berlakunya kebakaran.
- (b) Kerugian atau kerosakan kepada harta yang disebabkan oleh penapaian, kepanasan semula jadi atau pembakaran spontan (kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selaras dengan Pengecualian 2(f) pada Sijil Takaful atau melalui proses menjalani pemanasan atau pengeringan.

- (c) Kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh atau menerusi atau akibat pembakaran harta melalui perintah mana-mana pihak berkuasa awam.
- (d) Kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh atau menerusi atau akibat daripada kebakaran bawah tanah.
- (e) Kerugian atau kerosakan secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau yang timbul daripada atau yang merupakan akibat atau yang antaranya disebabkan oleh bahan senjata nuklear.
- (f) Kerugian atau kerosakan secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau yang timbul daripada atau akibat daripada atau disumbangkan oleh pancaran pengionan atau pencemaran radioaktif daripada apa-apa bahan api nuklear atau daripada apa-apa bahan buangan nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear. Bagi tujuan pengecualian ini sahaja, pembakaran hendaklah termasuk apa-apa proses yang mampan diri pembelahan nuklear.

### **Kecurian**

kehilangan atau kerosakan daripada atau terhadap:

- (a) Wang sekuriti.
- (b) kaca jika dilindungi secara lebih khusus.
- (c) mana-mana bahagian harta itu yang berada dalam keadaan Terbuka atau mana-mana bangunan luar, kecuali yang dinyatakan di dalam Jadual atau melalui Endorsmen.
- (d) mana-mana tunai yang didaftarkan apabila Premis ditutup untuk Perniagaan melainkan mesin daftar tunai itu ditinggalkan dalam keadaan Terbuka.
- (e) permainan hiburan atau mesin layan diri atau kandungan daripadanya.
- (f) buku Perniagaan, dokumen dan manuskrip, kecuali dinyatakan di dalam Jadual oleh Endorsmen.
- (g) rekod sistem komputer.

### **Wang**

- (a) kerugian disebabkan oleh rompakan atau kecurian oleh mana-mana pengarah, rakan kongsi atau pekerja Peserta Takaful.
- (b) kerugian disebabkan oleh penggunaan Wang palsu.
- (c) atau kekurangan akibat daripada ralat dan ketinggalan di dalam urusan perkeranian atau perakaunan atau akibat daripada susut nilai.
- (d) kerugian Wang dari mesin yang dikendalikan oleh token duit syiling atau wang kertas.
- (e) kerugian Wang dari mana-mana kenderaan yang ditinggalkan tanpa penumpang.
- (f) atau kemusnahan atau kerosakan terhadap Wang yang dihantar melalui pos.

### **Liabiliti Awam**

- (a) Kecederaan atau kerosakan yang disebabkan oleh atau yang timbul berkaitan dengan pemilikan atau hak milik atau penggunaan oleh atau bagi pihak Peserta Takaful terhadap kenderaan terdorong mekanik, pesawat lokomotif, peranti udara, hoverkraf atau kraf bawaan air.
- (b) Kecederaan kepada mana-mana Pekerja atau sebarang tuntutan yang timbul di bawah mana-mana undang-undang pampasan pekerja.
- (c) Kerosakan kepada
  - i) apa-apa struktur atau tanah disebabkan atau didakwa disebabkan oleh getaran atau penarikan atau melemahkan sokongan;
  - ii) harta yang dimiliki, dipajak, disewa, atau didiami oleh Peserta Takaful;
  - iii) harta yang dipegang sebagai amanah oleh atau dalam jagaan atau kawalan Peserta Takaful yang selain daripada Premis di mana Peserta Takaful menjalankan kerja berkaitan dengan Perniagaan;
  - iv) mana-mana bahagian harta di mana Peserta Takaful bekerja atau mana-mana individu yang bertindak bagi pihak Peserta Takaful yang berlaku berpunca daripada kerja itu.

### **Peril Komprehensif (Barang bukan mudah alih)**

- (a) jumlah pertama setiap satu kerugian yang dinyatakan sebagai Ekses di dalam Jadual kecuali disebabkan oleh kebakaran atau letupan; jika lebih daripada satu barang yang hilang atau rosak

dalam satu kejadian, Peserta Takaful tidak boleh, walau bagaimanapun, diminta untuk menanggung lebih daripada pemotongan tunggal yang tertinggi terpakai kepada item-item tersebut.

- (b) kehilangan atau kerosakan terhadap sebarang item oleh letupan atau runtuhnya sendiri disebabkan oleh tekanan stim dalaman, atau tekanan cecair lain, kerosakan, keretakan atau kegagalan mekanikal atau elektrik. Apa-apa yang tidak terkandung di dalam pengecualian ini juga boleh ditafsirkan sebagai tidak termasuk di dalam perlindungan yang disediakan oleh Sijil Takaful ini. Kerosakan terhadap sebarang item yang secara langsung disebabkan oleh impak atau pelanggaran dengan apa-apa secara luaran untuk item yang mungkin timbul sebagai hasil daripada kerosakan, kegagalan atau keretakan mekanikal atau elektrik.
- (c) kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh ujian atau menyaratkan dengan sengaja mana-mana harta atau apa-apa eksperimen yang melibatkan pengenaaan keadaan yang tidak normal.
- (d) kehilangan atau kerosakan kepada asas, penampal, bahagian-bahagian yang boleh ditukar atau diganti dan lampiran seperti pemacu fleksibel, alat yang digunakan untuk memotong, menggerudi, mencanai, menggilap, atau tujuan yang serupa atau acuan, corak, mendebu dan menghancurkan permukaan, skrin dan ayak, lapis refraktori, tali, tali pinggang, rantai, lif dan bateri konveyor rantai, lyre, wayar dan kabel penyambung, paip fleksibel, bahan penyambungan dan pembungkusan, melainkan jika kerugian atau kerosakan yang timbul daripada suatu kemalangan yang pihak Syarikat bertanggungjawab terhadap bahagian-bahagian lain harta tersebut.
- (e) kehilangan atau kerosakan kepada wang tunai, nota bank, wang kertas, syiling, cek, wang pos dan kiriman wang, bil-bil atau pertukaran, bon, cek giro dan draf, baucar jualan kredit Syarikat, kad kredit, baucar makan tengah hari, token hadiah, setem perdagangan, setem pos dan lain-lain jenis setem, sebarang perihal sekuriti, barang kemas, batu permata, logam berharga, jongkong emas, bulu-bulu, keraguan, buku nadir atau karya-karya seni.

#### **Kemalangan Diri Berkumpulan**

Kematian atau Hilang Keupayaan Kekal yang disebabkan sama ada secara langsung atau tidak langsung oleh:

- (a) peperangan, serangan, perbuatan musuh asing, permusuhan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), peperangan sivil, pemberontakan, revolusi, pemberontakan atau rampasan kuasa, mogok, rusuhan, kekecohan awam, kebangkitan tentera atau perhimpunan awam di mana Orang Yang Dilindungi secara langsung atau tidak langsung mengambil bahagian atau terlibat walau apa jua dalam aktiviti-aktiviti tersebut;
- (b) Sebarang kegiatan keganasan;
- (c) gila, bunuh diri (sama ada siuman atau tidak siuman) atau apa-apa percubaan ke arah itu Orang Yang Dilindungi;
- (d) kecacatan dan kelemahan fizikal atau mental Orang Yang Dilindungi yang sedia ada;
- (e) jangkitan bakteria atau virus, apa-apa penyakit, rawatan perubatan atau pembedahan (kecuali sebagaimana yang perlu semata-mata akibat kecederaan yang dilindungi oleh Sijil Takaful ini dan dilaksanakan dalam masa yang tertera di dalam Sijil Takaful itu) kepada Orang Yang Dilindungi;
- (f) bersalin, keguguran, kehamilan atau apa-apa komplikasi yang berkaitannya kepada Orang Yang Dilindungi;
- (g) perbuatan asakan atau serangan yang dimulakan oleh Orang Yang Dilindungi yang menyebabkan dirinya terbunuh;
- (h) sebarang perlakuan yang melanggar Undang-undang Sivil atau Syariah dan prinsip-prinsipnya oleh Orang Yang Dilindungi;
- (i) hilang keupayaan kekal yang sedia ada atau Kecederaan Tubuh Badan Orang Yang Dilindungi;
- (j) penyalahgunaan bahan, alkohol dan/ atau dadah oleh Orang Yang Dilindungi;
- (k) apa-apa sebab-sebab lain yang dilarang oleh Undang-undang dan prinsip-prinsip Syariah.

**Nota:** *Senarai ini bukannya senarai yang lengkap. Sila rujuk Sijil Takaful untuk senarai penuh bagi pengecualian-pengecualian di bawah Sijil Takaful ini.*

**8) Bolehkah saya membatalkan Sijil Takaful ini?**

Anda boleh membatalkan Sijil Takaful ini dengan memberi notis bertulis kepada pihak kami. Selepas pembatalan, anda layak mendapat pulangan Sumbangan Takaful untuk kadar pro- ata bagi tempoh Sijil Takaful yang belum luput. Tiada pulangan Sumbangan Takaful dibenarkan jika ada sebarang tuntutan di bawah Sijil Takaful ini.

**9) Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat perubahan kepada maklumat untuk dihubungi?**

Adalah penting bagi anda untuk memberitahu kami mengenai perubahan maklumat perhubungan anda bagi memastikan semua surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.

**10) Bagaimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

Sekiranya anda memerlukan informasi tambahan mengenai *IKHLAS* Niaga Takaful (Clinic Niaga), sila hubungi kami di:

**Takaful Ikhlas General Berhad**

Jabatan Pengurusan Perhubungan Pelanggan,  
IKHLAS Point, Tower 11A, Avenue 5, Bangsar South,  
No. 8 Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur.

Tel: 03-2723 9696

Faks: 03-2723 9998

Laman sesawang : [www.takaful-ikhlas.com.my](http://www.takaful-ikhlas.com.my)

Emel: [ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my](mailto:ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my)

**11) Produk seumpama yang boleh didapati?**

- *IKHLAS* Niaga Takaful (Retail Niaga)
- *IKHLAS* Niaga Takaful (Office Niaga)
- *IKHLAS* Niaga Takaful (Commercial Niaga)

**NOTA PENTING:**

**ANDA HENDAKLAH MEMASTIKAN HARTA ANDA DILINDUNGI PADA JUMLAH YANG BERSESUAIAN MEMANDANGKAN IA AKAN MENJEJASKAN JUMLAH TUNTUTAN. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI PENGENDALI TAKAFUL UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

**MENURUT PERENGGAN 4(1) JADUAL 9 AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN ISLAM 2013, JIKA ANDA MEMOHON PRODUK INI UNTUK TUJUAN YANG BERKAITAN DENGAN PERDAGANGAN, PERNIAGAAN ATAU PROFESION ANDA, ANDA BERKEWAJIPAN UNTUK MENDEDAHKAN APA-APA PERKARA YANG ANDA TAHU SEBAGAI BERKAITAN KEPADA KEPUTUSAN KAMI UNTUK MENERIMA ATAU TIDAK RISIKO DAN MENENTUKAN KADAR DAN TERMA YANG DIKENAKAN, DAN APA-APA PERKARA SEORANG YANG MUNASABAH PATUT TAHU ADALAH BERKAITAN, JIKA TIDAK IA BOLEH MENYEBABKAN PEMBATALAN SIJIL TAKAFUL, PENOLAKAN ATAU PENGURANGAN TUNTUTAN, PERUBAHAN TERMA-TERMA ATAU PENAMATAN KONTRAK TAKAFUL ANDA.**

**KEWAJIPAN PENDEDAHAN DI ATAS HENDAKLAH BERTERUSAN SEHINGGA SIJIL TAKAFUL ANDA DIBUAT, DIUBAH ATAU DIPERBAHARUI DENGAN KAMI.**

**ANDA JUGA MEMPUNYAI KEWAJIPAN UNTUK SEGERA MEMBERITAHU KAMI SEKIRANYA SETELAH**



**SIJIL TAKAFUL ANDA DIBUAT, DIUBAH ATAU DIPERBAHARUI DENGAN KAMI, APA-APA MAKLUMAT YANG DINYATAKAN DI DALAM BORANG CADANGAN (ATAU APABILA ANDA MEMOHON UNTUK PRODUK INI) TIDAK TEPAT ATAU TELAH BERUBAH.**

*Informasi yang disediakan dalam Helaian Keterangan Produk ini adalah sah pada 01/12/2018*